

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPERA ULANGTAHUN PERTAMA ATLANTIS POOLS (KL) SDN. BHD.
Lokasi : JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
Tarikh : 18-10-1986

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan 'Atlantis Pools' (KL) Sendirian Berhad, sempena perayaan ulangtahun pertama mereka.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak 'Atlantis Pools' kerana sumbangan tiga buah kolam renang yang semuanya bernilai hampir \$100,000/- kepada tiga buah persatuan. Ini adalah satu amalan kebajikan yang harus dicontohi.

3. Saya sangat berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan sumbangan tersebut kepada Persatuan Orang Buta Malaysia, Persatuan Penyelamat Malaysia dan Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan.

4. Saya percaya pihak-pihak yang menerima sumbangan ini sangat berterima kasih kepada pihak 'Atlantis Pools' dan menunggu sumbangan-sumbangan tersebut dengan penuh kegembiraan.

5. Saya difahamkan, dalam tempoh yang singkat pihak 'Atlantis Pools' telah mencapai kejayaan dalam industri pembinaan kolam-kolam renang bukan sahaja di Australia tetapi juga di rantau Asia Tenggara. Saya juga difahamkan bahawa lebih seratus unit telah dipasarkan, dan di negara kita mereka akan memperkenalkan jenis atau model yang lebih besar tetapi dengan harga yang berpatutan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Syarikat 'Atlantis Pools' kerana kejayaan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Berenang adalah salah satu cara yang paling baik untuk senaman. Bagi mereka yang mampu mengadakan kolam renang sendiri di rumah, bolehlah bersenam dalam suasana keselesaan rumah masing-masing. Bagi orang lain yang tidak mampu, mereka bolehlah menggunakan kolam mandi awam. Adalah penting bagi orang ramai berpeluang untuk mendapat kemahiran berenang kerana persediaan untuk waktu-waktu kecemasan. Dengan matlamat ini, selain daripada data-data kemalangan mati lemas yang tinggi di sekitar Kuala Lumpur, mendorong pihak pengurusan 'Atlantis Pools' memulakan projek ini. Pusat ini diharap dapat memberi kemahiran kepada orang awam tentang langkah-langkah keselamatan dan keyakinan diri di dalam air.

7. Saya berharap lebih banyak lagi pusat-pusat renang dapat ditubuhkan di seluruh negara. Orang ramai pula diharapkan supaya menggunakan pusat-pusat renang ini dengan sebaik-baiknya untuk faedah mereka.

8. Sekali lagi diucapkan tahniah kepada pihak pengurusan 'Atlantis Pools' di atas sumbangan mereka ini.